

**SOALAN NO : 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[SIBU]**

**TARIKH : 01 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana cara untuk mengatasi masalah kekurangan jawatan kosong pelatih untuk graduan ahli farmasi di hospital awam, dan sektor swasta. Apakah langkah jangka panjang dan pendek yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga September 2016, terdapat seramai 6,587 (4,457 graduan perubatan, 880 graduan pergigian dan 1,250 graduan farmasi) telah mendaftar dan dipanggil temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Daripada jumlah ini, seramai 3,779 (57.4%) (2,804 graduan perubatan, 576 graduan pergigian dan 399 graduan farmasi) telah diberi penempatan. Manakala, baki seramai 2,808 (42.6%) (1,653

graduan perubatan, 304 graduan pergigian dan 851 graduan farmasi) belum diberi penempatan dan akan dilantik secara berfasa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (i) Antara sebab utama kelewatan penempatan graduan terlibat ialah keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan penempatan latihan berbanding dengan peningkatan ketara bilangan keluaran graduan dari dalam dan luar negara. Pada masa ini, hanya 10,362 penempatan latihan siswazah bagi Pegawai Perubatan, sementara, bagi graduan pergigian penempatan adalah bergantung kepada keupayaan dalam menyediakan peralatan dan kerusi pergigian (*dental chair*) dan penempatan Pegawai Farmasi adalah berdasarkan nisbah satu (1) preceptor kepada empat (4) graduan farmasi bagi tujuan menjalani latihan *Provisionally Registered Pharmacy* (PRP).

Berdasarkan statistik keluaran graduan tahun 2010 berbanding tahun 2015, menunjukkan bilangan graduan perubatan meningkat sebanyak 27.3% iaitu daripada 3,252 kepada 4,140. Bagi graduan pergigian pula, peningkatan berlaku sebanyak 205.3% iaitu daripada 321 kepada 980 graduan. Graduan farmasi pula telah meningkat sebanyak 60.6% iaitu daripada 925 kepada 1,486. Tren peningkatan ini dijangka berterusan disebabkan keluaran daripada universiti swasta dan universiti luar negara yang meningkat pada setiap tahun; dan

- (ii) Selain itu, kelewatan penempatan khususnya bagi graduan perubatan juga berlaku disebabkan terdapat graduan yang telah ditawarkan pelantikan tetapi menangguh pemilihan penempatan mereka sehingga 6 bulan kerana ingin ditempatkan ke hospital di sekitar Lembah Klang yang tidak lagi mempunyai kekosongan

jawatan latihan siswazah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan bagi perancangan jangka panjang Kementerian untuk mengatasi isu atau *backlog* kelewatan penempatan oleh KKM adalah seperti berikut:

**Graduan Perubatan**

- (i) Melanjutkan moratorium bagi bidang perubatan untuk tempoh lima (5) tahun lagi bagi mengawal bilangan graduan perubatan dalam negara.
- (ii) Mengkaji untuk menambah bilangan hospital latihan siswazah daripada sejumlah 44 hospital latihan siswazah sedia ada. Pertambahan bilangan hospital ini penting bagi memastikan bilangan Pegawai Perubatan diberi latihan dapat ditambah dan latihan yang diberi memenuhi standard amalan perubatan yang ditetapkan. Pada tahun 2009 terdapat 38 buah hospital latihan siswazah dan telah meningkat kepada 44 buah hospital pada tahun 2016. KKM juga meningkatkan bilangan hospital latihan siswazah termasuklah akan melaksanakan latihan siswazah di rangkaian Hospital Angkatan Tentera Malaysia dan Hospital Shah Alam.
- (iii) Pilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh PPS secara atas talian melalui *e-houseman* (dengan izin). Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar Lembah Klang atau di pedalaman yang mempunyai banyak kekosongan,

maka graduan tidak perlu menunggu lama untuk menjalani latihan siswazah. Sebaliknya jika graduan tersebut berhasrat untuk bertugas di bandar-bandar yang tiada kekosongan, maka graduan tersebut perlu menunggu lebih lama.

- (iv) Pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dibuat secara kerap iaitu setiap 2 bulan.

## **Graduan Pergigian**

- (i) Pelaksanaan Moratorium Program Pergigian yang dikuatkuasa untuk tempoh 5 tahun sehingga 2018 dengan had pengambilan pelajar pergigian dalam negara kepada 800 setahun.
- (ii) Bagi menangani kekangan peralatan dan kerusi pergigian (*dental chair*) di fasiliti pergigian, KKM telah mengambil inisiatif seperti berikut:
  - a. mengadakan *outreach programme* seperti membuat lawatan ke sekolah rendah dan menengah, klinik ibu mengandung;
  - b. penempatan Pegawai Pergigian secara tetap di klinik-klinik yang sebelum ini memberikan perkhidmatan pergigian hanya melalui lawatan secara berkala oleh Pegawai Pergigian; dan
  - c. penambahan fasiliti kesihatan pergigian selaras dengan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* di RTC/ UTC.
- (iii) Selain itu, KKM mengambil langkah berikut:
  - a. Pengurangan tempoh khidmat wajib pada tahun 2012 adalah daripada tiga (3) tahun kepada dua (2) tahun dan pada tahun 2015 tempoh khidmat wajib Pegawai Pergigian dikurangkan daripada dua (2) tahun kepada satu (1) tahun; dan
  - b. KKM juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan bagi membolehkan

penempatan khidmat wajib (*Vocational Attachment*) graduan pergigian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), hospital dan klinik swasta yang diiktiraf bagi tempoh tertentu. Justeru, tidak perlu pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam bagi tujuan khidmat wajib.

### **Graduan Farmasi**

- (i) **Dasar liberalisasi perkhidmatan farmasi**, calon boleh memohon pekerjaan dan menjalani latihan farmasi di 393 premis swasta tanpa perlu dilantik oleh SPA. Pegawai Farmasi yang memilih menggunakan dasar ini tidak perlu memohon kepada SPA untuk berkhidmat dengan Kerajaan.
- (ii) Selain itu, Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) juga sedang mengkaji kesesuaian latihan PRP dimasukkan ke dalam kurikulum ijazah sarjana muda Farmasi bagi mengatasi masalah penempatan latihan siswazah ini dan juga moratorium bagi ijazah pertama.

Isu kelewatian penempatan ini mendapat perhatian serius daripada Kerajaan dan langkah penyelesaian secara menyeluruh sedang di peringkat akhir tindakan KKM.